

# Keindahan Bahasa Arab sebagai Bahasa al-Quran di Dunia

Pengkaji bahasa telah menjalankan beberapa kajian tentang bahasa-bahasa yang digunakan oleh manusia di dunia. Mereka telah menghadapi pelbagai kerumitan dalam kajian tersebut memandangkan terlalu banyak bahasa yang digunakan oleh umat manusia. Para sarjana linguistik menganggarkan terdapat lebih daripada 5 000 bahasa yang wujud di dunia ini, tidak termasuk dialek yang jauh lebih banyak berbanding dengan bahasa induk (Azhar Bin Muhammad 2005). Menurut Mustapha Daud (1996), tiada satu perangkaan yang tepat dapat dikemukakan oleh para sarjana tentang jumlah bahasa yang digunakan oleh seluruh umat manusia.

Para sarjana bahasa dan linguistik telah membuat pembahagian bahasa pertuturan manusia kepada kepelbagaian asas. Ada yang membahagikan bahasa berteraskan sistem morfologi. Menurut Ali Abdul Wahid Wafi, asas ini membahagikan bahasa manusia berdasarkan perubahan makna hasil daripada berlakunya perubahan struktur dan binaan huruf dalam sesuatu perkataan. Ada juga para sarjana yang membahagikannya berasaskan perubahan dan perkembangan sesuatu bahasa. Teori ini membahagikan bahasa manusia kepada beberapa kumpulan yang menghimpunkan komuniti tertentu berdasarkan hubungan kerabat dan penempatan geografi. Berasaskan kepada teori ini, bahasa manusia dibahagikan kepada kumpulan bahasa Indo-Eropah, bahasa Semitik-Chamito dan bahasa Touranien (Asia-Eropah). Bagi lebih memudahkan perbincangan

husus yang berkaitan dengan bahasa Arab, makalah ini akan memfokuskan pembahagian yang mengklasifikasikan bahasa di dunia ini kepada tiga kumpulan utama. Menurut Ibrahim Muhammad Naja (1975), pembahagian ini berasaskan anak-anak Nabi Nuh AS iaitu:

- (i) Kumpulan bahasa Aramit (Arian).
- (ii) Kumpulan bahasa Hamit (Chamito).
- (iii) Kumpulan bahasa Samit (Semitik).

Kumpulan bahasa Aramit ialah kumpulan bahasa yang dikembalikan asalnya kepada keturunan Yafith bin Nuh yang mendiami kawasan tanah Babylon dan Armenia. Mereka telah melakukan penghijrahan ke tempat-tempat lain seperti India hingga dapat membentuk satu bahasa yang dikenal dengan nama Sanskrit kuno. Penghijrahan oleh penutur-penutur bahasa ini juga telah sampai ke Bukhara, Afghanistan, Parsi, dan Eropah. Berasaskan penempatan, kumpulan ini telah terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu di bahagian utara yang dikuasai oleh bahasa-bahasa Eropah, dan bahagian selatan yang terkenal dengan bahasa-bahasa Parsi, Kurdish, Hindi, Afghan, dan Bukhara. Kumpulan bahasa Hamit dirujuk kepada keturunan Ham bin Nuh. Antara bahasanya termasuklah Habsyah kuno, Mesir kuno, dan beberapa dialek lama di daerah pedalaman Sudan.

Kumpulan bahasa Aramit ialah kumpulan bahasa yang dikembalikan asalnya kepada keturunan Yafith bin Nuh yang mendiami kawasan tanah Babylon dan Armenia.

Kumpulan bahasa Samit pula disandarkan kepada keturunan Sambin Nuh yang mendiami kawasan barat Asia dan sebahagian daripada Afrika. Antara bahasa ini termasuklah bahasa Arab, Ibr, Habsyah, Himyar, dan Saba'. Sebahagian besar daripada bahasa ini telah pupus dan yang masih tinggal ialah bahasa Arab, Ibr dan Habsyah. Para pengkaji berpendapat bahawa tempat asal kumpulan penutur Samit ini ialah di bahagian barat daya Semenanjung Tanah Arab, iaitu di Yaman.

## Abjad atau Konsonan Arab

Menurut Mohd Alwee dan Mohamad Azrien (2008), abjad ialah sejumlah simbol dan huruf yang digunakan untuk melukiskan bunyi bahasa. Selanjutnya, huruf tersebut terdiri daripada huruf vokal ataupun konsonan. Abjad tulisan Arab ini berasal daripada abjad bahasa Aramia, iaitu satu kaum yang hidup pada tahun

keseribu sebelum Masihi. Pada mulanya abjad ini hanya digunakan untuk bahasa Arab sahaja, tetapi apabila tersebar Islam ke sebelah Timur, maka abjad ini menjadi abjad kepada tulisan-tulisan bahasa-bahasa lain pula seperti Parsi, Turki, Sepanyol, dan Swahili, bahkan juga bahasa Melayu, iaitu serentak dengan tersebar Islam ke Nusantara pada abad ketujuh dan kelapan masihi.

Bahasa Arab mempunyai 28 abjad (jika fonem hamzah (ء) diambil kira sebagai alif, jika tidak, abjad Arab berjumlah 29 huruf). Kesemuanya, kecuali yang pertama ialah konsonan. Fonem atau huruf ditulis dari kanan ke kiri iaitu berbeza daripada tulisan Rumi yang dituliskan dari kiri ke kanan.

### Sistem Bunyi Arab

Berhubung dengan sistem bunyi, bahasa Arab mempunyai tiga vokal, iaitu "a", "i", dan "u". Tanda yang digunakan untuk vokal ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Fathah ( فَتْحَة ) - untuk vokal "a".
- (ii) Kasrah ( كَسْرَة ) - untuk vokal "i".
- (iii) Dammah ( دَمَمَة ) - untuk vokal "u".

Di samping itu, untuk vokal panjang, maka huruf atau grafem "alif" (ا), "ya" (ي) dan "waw" (و) ditambah untuk memanjangkan bunyi vokal "a", "i" dan "u". contohnya:

(ba) - (bā), (bi) - (bī) dan (bu) - (bū) Bahasa Arab mempunyai dua vokal rangkap atau diftong iaitu "aw" dan "ai". Contohnya, *قَوْلٌ* (qawlu) dan *قَايْدٌ* (qaydu). Manakala, konsonan dua bunyi pula, iaitu "ta" (Marbutah), "ya" (waw) dan "ya" (ya') hanya datang di hujung kata nama yang tertentu sahaja, seperti *قَاعَر* (sifatun), *قَاعَاتُونَ* (ibadatun) dan *قَاعَاتِي* (qādin), sewaktu membaca terus "a" (Ta' Marbutah) pada *قَاعَر* (sifatun) dan *قَاعَاتُونَ* (ibdadatun) dibunyikan

Jadual 1 Ejaan lampau hukum pada homograf bukan hakiki.

Nama Abjad	Tanda Huruf atau Grafem	Transliterasi
Alif	ا	A
Ba'	ب	b
Ta'	ت	t
Tha'	ث	th
Jim	ج	j
Ha'	ح	h
Kha'	خ	kh
Dal	د	d
Dhal	ذ	dh
Ra'	ر	r
Zay	ز	z
Sin	س	s
Shin/Sy'in	ش	sh/sy
Sad	ص	s
Dad	س	d
Ta'	ط	t
Za'	ظ	z
'Ayn	ع	'
Ghayn	غ	gh
Fa'	ف	f
Qaf	ق	q
Kaf	ك	k
Lam	ل	l
Mim	م	m
Nun	ن	n
Ha'	ه	h
Waw	و	w
Ya'	ي	y

sebagai "a", tetapi jika berhenti maka ia dibunyikan sebagai "u" (ha').

Huruf "w" (waw) dan "y" (ya') merupakan vokal dan juga konsonan. Sebagai konsonan keduanya menerima segala jenis vokal, seperti konsonan juga, dan keduanya boleh berada sama ada pada suku kata awal (initial), tengah (medial) atau pun akhir (final), iaitu berdasarkan kedudukannya dalam sesuatu perkataan.

Sungguhpun bahasa Arab hanya mempunyai tiga vokal sahaja, namun demikian tiap-tiap konsonan dan vokalnya terbagi untuk dapat menampung segala bunyi bahasa melalui sistem bunyinya yang begitu lengkap dan canggih. Oleh sebab itu, ada antara sarjana Barat yang menyedari hakikat ini setelah membuat analisis yang teliti tanpa prejudis lalu akur sahaja dengan kekurangan tulisan Latin dan mereka berusaha mengubah suai tulisan Latin supaya sejajar dengan tulisan Arab (Mohd Alwee dan Mohamad Azrien et al., 2008).

### Korelasi antara Bahasa Arab dengan al-Quran al-Karim

Hakikat yang tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa ialah bahasa Arab ialah bahasa yang dipilih oleh Allah SWT sebagai bahasa al-Quran. Disebabkan sumber utama Islam tertulis dalam bahasa Arab, maka wajarlah bahasa ini dijamin terpelihara keutuhannya hingga akhir zaman. Allah SWT berfirman antara lain bermaksud,

*Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.* (Surah al-Zukhruf: 3)

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang unggul sebelum kedatangan Islam lagi, tetapi al-Quran telah memberikan nafas baharu dan sumbangan yang besar

#### Vokal Pendek Arab

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh
ا	U	هُنَّاحٌ Hasunaa
ا	A	كَبَاتٌ kataba i
ا	l	كَمِيلٌ 'mila

#### Vokal Panjang Arab

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh
و	U	فَوَّاحٌ Hurūfa
ا	A	بَاتِكٌ Kitabī
ي	l	فَعِيدٌ Jadīd

#### Diftong Arab

Huruf Arab	Huruf Latin	Transliterasi	Contoh
و	aw	Qawl	قَوْلٌ
ي	ay	Sayf	سَيْفٌ
ي	iy	Raj'iy, rajī	رَجْعِيٌّ
و	uww	'aduww, 'adū	وَدَعٌ

#### Konsonan Qamariyyah

(أ، ي، و، د، م، ك، ق، ف، غ، ع، خ، ح، ج، ب)

قَوِيْرُق + ل	قَوِيْعِلَل	al-qaryatt
بَات ك + ل	بَات كَل	al-kitāb
قَوِيْم + ل	قَوِيْمَل	al-madīnt

#### Konsonan Shamsiyyah

(ن، ل، ط، ض، ص، ش، س، ز، ر، ذ، د، ث، ت)

مَالس + ل	مَالسَل	as-salām
بِلَاط + ل	بِلَاطَل	at-tālib
رهن + ل	رهنَل	an-nahr

terhadap perkembangannya. Menurut Mustafa Daud et al (1996), al-Quran juga telah dapat memanjangkan lagi hayat bahasa ini, menyatukan kepelbagaian dialeknya dan menjadikannya sebagai bahasa intelektual dan

ketamadunan. Hal yang lebih penting, al-Quran telah menjadikan bahasa Arab kaya dengan kosa kata, utuh dengan tatabahasa dan gaya bahasanya hingga dapat mengatasi bahasa-bahasa lain (Azhar Bin Muhammad et al., 2005). DB